

09 MAR 1998

Tajol-Palsu

KDN GUNA ISA BANTERAS SINDIKET KELUAR KAD PENGENALAN MERAH PALSU

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang mengesyaki terdapat sindiket mengeluarkan kad pengenalan merah palsu di negara ini, hari ini memberi amaran keras bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan digunakan bagi membanteras kegiatan itu.

Ketika memberi amaran itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali berkata, KDN mengesyaki terdapat sesuatu yang tidak kena berikutan ramai pendatang asing didapati mempunyai kad pengenalan merah.

"Dia mesti ada sindiket sebab pengeluaran kad pengenalan palsu dan passport palsu memerlukan modal yang agak besar. Jadi kita merasakan bahawa ada sesuatu yang tak kena (apabila ramai pendatang asing mempunyai kad pengenalan merah).

"Ramai daripada mereka yang terlibat memalsukan kad pengenalan merah ini pun telah kita tahan kerana sebagaimana saya selalu sebut, kita guna ISA ni untuk menjaga keselamatan negara. Jadi kita menganggap mereka yang memalsukan passport, memalsukan kad pengenalan adalah mereka yang menggugat keselamatan negara," katanya ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, dekat sini.

Tajol Rosli berada di lapangan terbang itu untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang berlepas ke Myanmar untuk lawatan rasmi dua hari.

Semalam, Timbalan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Mohd Yusof Mohd Said berkata, polis dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara akan melakukan operasi besar-besaran di seluruh negara untuk memeriksa pemegang kad pengenalan merah bagi memastikan kesahihan dokumen itu.

Operasi itu akan dilancarkan berikutan terdapat maklumat bahawa kebanyakan kad pengenalan merah yang mengesahkan status penduduk tetap di negara ini, adalah palsu.

Tajol Rosli berkata, langkah polis dan Jabatan Pendaftaran Negara itu adalah tepat bagi memastikan keselamatan negara tidak terganggu.

Beliau berkata, mereka yang memegang kad pengenalan merah palsu itu sudah pasti tidak akan terlepas kerana pihak berkuasa kini mempunyai peralatan yang canggih untuk mengesan kesahihan dokumen-dokumen seperti itu.

Mengenai kemungkinan mereka yang memegang kad pengenalan merah itu tidak tahu bahawa ia adalah palsu, Tajol Rosli berkata : "Tak mungkin dia tak tahu sebab dia yang beli".

Ketika ditanya sama ada mereka yang memegang kad pengenalan merah palsu itu juga patut ditahan di bawah ISA, beliau berkata : "Kalau kita nak tangkap semua bawah ISA banyak sangatlah. Jadi yang membeli (kad pengenalan merah palsu) kita akan hantar balik terus tapi yang mengeluarkannya kita akan ambil tindakan yang lebih tegas". -- BERNAMA.

AH PR